

08/02/2003

Islam patut dijadikan mata pelajaran wajib lulus

Putera Kajang

APABILA Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan

akan mengkaji sama ada pengajian Islam di sekolah kebangsaan (SK) mencukupi atau tidak, saya berasa sangat lega.

Lega kerana setiap kali kata-kata Dr Mahathir ibarat `fatwa' atau paling

tidak pun, tindakan lebih pantas menjurus menjadi undang-undang.

Pada hemat saya, subjek Pengajian Islam di SK sekadar cukup makan. Ia memburukkan lagi keadaan apabila Islam bukan mata pelajaran wajib lulus.

Oleh kerana Sains, Matematik dan sebagainya termasuk Bahasa Malaysia wajib lulus, ibu bapa tidak lokek mengeluarkan belanja yang banyak untuk memastikan anak-anak mereka menguasai subjek berkenaan dan lulus cemerlang.

Pada waktu yang sama, subjek Pengajian Islam diabaikan kerana ia menjadi

tidak `penting' dalam sistem berorientasikan sijil ini.

Kesan kepada keadaan ini sangatlah buruk kepada bangsa Melayu, Islam dan

negara dalam jangka panjang yang kini mula menunjukkan kesannya.

Saya tidak bermaksud sistem perlu diubah tetapi apa yang harus ditekankan ialah Pengajian Islam perlu menjadi mata pelajaran wajib bagi penganut Islam - Pendidikan Moral sebagai pilihan kepada penganut lain - supaya keadaan tidak bertambah parah.

Selepas enam tahun di SK dan lima tahun di sekolah menengah (SM), ramai

pelajar Muslim keluar dengan cemerlang tetapi pemahaman mengenai Islam dan

cara hidupnya amat cetek dan terpesong.

Zaman remaja adalah tempoh paling sukar untuk dikawal dan ramai yang terbabas kerana tidak faham, `buat-buat tak faham' dan berazam untuk bertaubat apabila usia melewati senja.

Kita dapat melihat sendiri bagaimana mereka yang sudah masuk usia emas, termasuk kakitangan kerajaan apabila kembali ke pangkal jalan, mereka akan

berubah bukan saja dalaman tetapi juga luaran.

Mereka yang dulunya begitu `ganas' tiba-tiba bertukar menjadi bangsa Arab, kelihatan warak, menyimpan janggut dan jambang, berserban dan sebagainya. Budaya Melayu lenyap sama sekali.

Sebelum ini semuanya boleh tetapi apabila sudah berubah wajah, semuanya

tidak boleh, semuanya haram dan yang paling menakutkan ialah mereka dengan

lantang berkata kerajaan yang mereka berpaut sejak kecil hingga mendapat anak dan cucu, adalah sekular.

Kebanyakan mereka ini berasa tidak lengkap `kepulangan' mereka kalau tidak menyertai Pas - parti politik yang banyak membawa `fatwa lucu' kebelakangan ini.

Doktrin parti pembangkang berkenaan bahawa Islam itu Pas dan Pas itu Islam sememangnya berjaya dan memberi kesan mendalam kepada Umno dan kerajaan.

Begitu juga bagi mereka pada usia pertengahan yang mahu 'pulang' lebih awal.

Selain menghantar anak mereka ke Sekolah Agama Rakyat (SAR) kononnya untuk 'menebus kesilapan', mereka juga memilih Pas sebagai anutan.

Semua ini gara-gara pengajian Islam diabaikan pada peringkat SK dan SM

-

usia yang sepatutnya dibentuk menjadi Muslim sejati.

Sekiranya Pengajian Islam menjadi mata pelajaran wajib dan prasyarat mendapat pekerjaan di jabatan kerajaan seperti mana yang diwajibkan memperoleh kepujian Bahasa Malaysia, tentunya ibu bapa dan pelajar akan bekerja keras meningkatkan pemahaman Islam seperti subjek lain juga.

Selepas 11 tahun di SK dan SM, tidak semestinya mereka keluar menjadi 'manusia' tetapi kalau mendapat pendidikan yang mencukupi pada peringkat itu, jika mereka ini terbabas sekalipun, apabila mereka ingin kembali ke pangkalan jalan, mereka tidak sukar mencarinya kerana sudah ada asas yang sangat kukuh.

Maka saya berharap sangat, apabila Dr Mahathir dan Kabinetnya bermesyuarat 13 Februari ini mengenai hala tuju Pengajian Islam di SK dan

SM, sesuatu yang lebih baik dapat dicapai demi masa depan anak bangsa.

PUTERA KAJANG,

Bandar Baru Bangi, Selangor.